

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK SALIH BIN YACCOB,
DISEBALIK PERJALANAN
KISAH KERJAYA: SALIH YACCOB**

**NOR ADILA NATASHA BINTI JAMAYA
(2019627902)**

**SITI NURHIDAYAH BINTI YUSOF
(2019423472)**

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2021

	Isi Kandungan	M/S
	Abstrak	i.
	Penghargaan	ii.
	Senarai Abreviasi	iii.
	Senarai Singkatan	iv.
	Rujukan Kata	v.
1.0	Biodata Penemubual	
	1.1 Penemubual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	3
2.0	Biodata Tokoh	
	2.1 Biodata Tokoh	5
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	7
3.0	Sejarah Lisan	
	3.1 Pengenalan	10 - 11
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	13
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	15 - 17
4.0	Kajian Literatur	
	4.1 Topik 1	20 - 22
	4.2 Topik 2	24
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	26 - 156
6.0	Log Temubual	158 - 169
7.0	Ralat	173
8.0	Glosari	173 - 175
9.0	Indeks	177 - 186
10.0	Bibliografi	188 - 193
11.0	Lampiran	
	11.1 Biografi Tokoh	198
	11.2 Surat Perjanjian	199
	11.3 Senarai Soalan	200 - 205
	11.4 Diari Penyelidikan	207 - 210
	11.5 Gambar dan bahan lain yang berkaitan	212

ABSTRAK

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan tentang seorang tokoh yang berpengalaman dalam bidang seni hiburan. Beliau merupakan seorang artis veteran tanah air yang telah banyak menceburi bidang lakonan, bidang nyanyian, beliau juga seorang penyampai radio, seorang pelawak dan lebih banyak melibatkan diri dalam aksi komedi. Dalam era globalisasi tanpa limitasi ini, masih ada masyarakat pada masa kini yang tidak banyak mengetahui mengenai kisah-kisah artis veteran dan pencapaian yang banyak dicapai sepanjang tokoh ini menjadi seorang artis di dunia seni. Temubual ini dijalankan selama 2 jam 6 minit bertempat di Ampang, Kuala Lumpur pada 23 November 2021. Temubual ini didokumentasikan kepada masyarakat supaya mereka mendapat banyak informasi mengenai tokoh yang dipilih dalam bidang seni hiburan Malaysia dan ia juga dapat mengutarakan pandangan mereka terhadap industri seni hiburan di Malaysia kini khususnya. Sejarah lisan ini mengandungi sejarah, bidang kerjaya dan profesion, kepentingan, pencapaian, harapan dalam industri seni disamping juga membicarakan tentang kisah dibalik perjalanan kisah kerjaya dan pengalaman tokoh sepanjang menceburi bidang seni hiburan sejak tahun 80-an sehingga berjaya menjadi penghibur yang amat dikenali pada masa dahulu dan masa kini. Pendokumentasian daripada wawancara ini dapat membantu dan merungkaikan segala isu berkaitan dengan artis veteran dalam industri seni hiburan. Melalui projek lisan ini juga, diharapkan agar semua golongan dapat menghargai jasa- jasa yang telah dilakukan oleh seorang artis veteran.

Kata kunci: Sejarah lisan, industri seni hiburan, artis veteran, penghibur.

This transcript discusses a figure who is experienced in the field of entertainment arts. He is a veteran artist of the country who has ventured into the field of acting, singing, he is also a radio presenter and more involved in comedy. In this era of unlimited globalization, there is still a society today that does not know much about the story of a veteran artist and the many achievements achieved throughout this figure became an artist in the art world. This interview was conducted for 2 hours 6 minutes in Ampang Kuala Lumpur on 23rd November 2021. This interview is documented to the community so that they get a lot of information about selected figures in the field of entertainment arts Malaysia and it can also express their views on the entertainment industry in Malaysia today. This oral history contains history, career fields and professions, interests, achievement, hopes in the art of industry as well as talks about the story behind the course of the career story and the experience of the figure throughout venturing into the field of entertainment arts since the 80's to succeed in becoming a well-known performer in the past and present. Documentation from these interviews can help and unravel all issues related to veteran artists in the entertainment arts industry. Through this oral project as well, it is hoped that all groups can appreciate the services rendered by veteran artist.

Keyword: *oral history, entertainment arts industry, veteran artist, entertainer*

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah pertama sekali kami ingin mengungkapkan rasa syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izin-Nya, akhirnya kami dapat menyelesaikan tugas yang telah diberikan. Tugas ini memerlukan kami untuk membuat kajian tentang sejarah lisan artis veteran dalam dunia seni hiburan. Kami melakukan tugas ini dengan sehabis baik berdasarkan maklumat yang diperolehi supaya tugas ini dapat berjalan lancar.

Ucapan jutaan terima kasih kami ucapkan kepada pensyarah IMR604 (Oral Documentation) kami, Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin kerana banyak membantu kami untuk menyiapkan tugas ini. Beliau sentiasa memberikan sumbangan, semangat dan dorongan kepada kami dalam usaha menyiapkan tugas ini. Tanpa panduannya, mungkin tugas yang diberi tidak dapat kami laksanakan dengan baik.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih diucapkan dan setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada tokoh dalam bidang seni hiburan artis veteran yang kami pilih kerana beliau sudi meluangkan masa untuk berkongsi maklumat dan ditemubual iaitu encik Mohd Salih bin Yacob. Kami memperoleh banyak maklumat yang daripada penceritaan dan perkongsian maklumat yang disampaikan oleh beliau. Kerjasama encik Mohd Salih bin Yacob amat kami hargai.

Sebagai tambahan kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa kami kerana telah menyokong dari segi fizikal dan mental dalam menyelesaikan tugas ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih khas kepada rakan sekelas kami yang telah membantu sekiranya ada perkara yang kami tidak menegtahui. Kami berharap hasil kajian ini dapat memberi kesan yang positif kepada semua pihak dan berguna untuk masa kini dan masa akan datang.

SENARAI ABREVIASI

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
AF	Akademi Fantasia
COVID	Coronavirus-19
DJ	Disc Joy
IG	Instagram
IC	Identity Card
PENTARAMA	Persembahan Penerangan melalui Nyanyian, Tarian dan Drama
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPD	Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TV	Televisyen
TV3	Sistem Televisyen Berhad
UITM	Universiti Teknologi Mara

SENARAI SINGKATAN

SENARAI SINGKATAN

NAN: NOR ADILA NATASHA BINTI JAMAYA

SNY: SITI NURHIDAYAH BINTI YUSOF

SY: MOHD SALIH BIN YACCOB

SSA: SAMIAH BINTI SYEIKH ALI

MA: MUHAMMAD ALIFF BIN HALIM

RUJUKAN KATA

RUJUKAN KATA

Abende	Apa benda
Ambik /amek	Ambil
Asal	Kenapa
Anu	Benda
Bawak	Bawa
Badi	Kesan buruk
Bini/orang rumah	Isteri
Besok	Esok
Bapak	Bapa
Bagitau	Beritahu
Bape	Berapa
Balik	Pulang/ semula
Barukan	Diperbaharui
Cedok	Mengambil sesuatu menggunakan gayung
Camtu/cam	Seperti
Cuma	Hanya
Dorang/diorang	Mereka
Depan	Hadapan
Duk/dok	Duduk
Dah	Sudah
Dulu	Dahulu
Engko	Engkau
Eh?	Ya?
En	Kan
Gitu	Begitu
Hm	Ya
Ha	Ya
Haah	Ya /betul
Hadap	Depan
Harini	Hari ini
Jenuh	Bosan/ jemu

Je	Sahaja
Jugak	Juga
Konon	Agak
Korang	Kamu orang
Ko	Kau
Kitaorang	Kami
Kat	Dekat
Kot	Mungkin
Kan	Ya
Kesah	Kisah
Kuarga	Keluarga
Kene/kena	Hendak/ perlu
Kecik	Kecil
Kerna	Kerana
Lepastu	Setelah itu
Mintak	Minta
Masatu	Semasa itu
Mau	Mahu
Merapu	Merepek
Meh	Mari
Nak	Hendak
Ngan	Dengan
Narik	Tarik
Pastu	Selepas itu
Pegi	Pergi
Pulak	Pula
Pada	Daripada/ kepada
Paham	Faham
Pape	Apa-apa
Pasal	Tentang
Pelan-pelan	Perlahan lahan
Respon	Tindak balas

Redah	Tempuh
Sedara	Saudara
Sorang	Seorang
Sikit	Sedikit
Sape	Siapa
Sesame	Sama-sama
Saje	Sahaja
Sukati	Suka hati
Setan	Syaitan
Tak	Tidak
Takde/ tak ada	Tiada
Takpe	Tidak mengapa
Tak nak	Tidak mahu
Tapi	Tetapi
Tau	Tahu
Tu	Itu
Taruk	Letak
Tak payah	Tak perlu
Tersadai	Terbaring
Terbengkalai	Terlantar
Tengok	Lihat
Waima	Sama ada
Ye	Ya
Yang	Sayang

BIODATA PENEMUBUAL

**PENEMUBUAL
PERTAMA**

1.0 BIODATA PENEMUBUAL

1.1 Penemubual Pertama



Nama	Nor Adila Natasha binti Jamaya
Tarikh Lahir	21 Disember 1999
Tempat Lahir	Hospital Sultanah Aminah
Alamat	No 44, Jalan Delima 18, Taman Kota Masai, 81700, Pasir Gudang, Johor
No.Telefon	014-7159055
Email	adilاناتasha09@gmail.com
Program	Pengurusan Rekod (IM 246)

**PENEMUBUAL
KEDUA**

1.2 Penemubual Kedua



Nama	Siti Nurhidayah binti Yusof
Tarikh Lahir	11 Mei 1999
Tempat Lahir	Hospital Segamat
Alamat	327 Jalan Kempas Felda Chemplak, 85300 Labis, Johor
No.Telefon	017-6634279
Email	snurhidayah1105@gmail.com
Program	Pengurusan Rekod (IM 246)

BIODATA TOKOH

2.0 BIODATA TOKOH

2.1 Biodata Tokoh



Nama	Mohd Salih bin Yacob
Tarikh Lahir	25 November 1961
Tempat Lahir	Sungai Besar, Selangor
Alamat	Baiduri Apartment, G10-0-15. Desa Pandan, Kg Pandan, 55100, Kuala Lumpur.
No.Telefon	012-3006379
Email	-
Profesion	Artis Seni Hiburan
Bidang	Seorang penghibur dalam bidang lakonan, bidang nyanyian, pelawak dan bidang penyampai radio Sinar FM.

**PENGENALAN
KEPADA TOKOH**

2.2 Pengenalan kepada tokoh

Nama penuh tokoh ialah Encik Mohd Salih bin Yacob atau lebih mesra dikenali sebagai SY. Berusia 60 tahun dan dilahirkan pada 25 November 1961 di Sungai Besar, Selangor. Beliau juga dibesarkan oleh keluarga angkatnya. Beliau merupakan seorang artis veteran yang telah berkecimpung dalam industri seni hiburan sejak era 80-an. Anak seni ini dapat menamatkan pelajarannya sehingga ke peringkat SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. Setelah tamat persekolahan, beliau banyak membuat pekerjaan separuh masa untuk menimba pengalaman seperti kerja kilang dan kerja kapal bagi mengisi masa lapang. Pada permulaan kerjaya beliau sebelum digelar anak seni, beliau ada melibatkan diri dalam PENTARAMA iaitu singkatan kepada persembahan penerangan melalui nyanyian, tarian dan drama pada tahun 1980 sehingga tahun 1983. Sepanjang itu beliau dapat mencungkil bakatnya sendiri untuk menjadi seorang penghibur. Beliau juga telah ditawarkan untuk mengikuti orkestra tentera darat selama tiga tahun iaitu pada tahun 1983 sehingga 1986. Orkestra tentera darat tersebut perlu dijalani selama 10 tahun, namun begitu beliau hanya dapat melibatkan diri selama 3 tahun sahaja. Hal ini kerana, beliau mula banyak mendapat tawaran untuk berlakon filem pada ketika itu. Beliau gusar jika tidak dapat membahagikan masa dengan sebaiknya. Oleh itu, beliau telah memilih menjadi anak seni sebagai punca pendapatan utama. Sejak dari itu, beliau banyak menceburkan diri dalam bidang industri seni seperti menjadi seorang pelakon, penyanyi, penyampai radio sehingga tahun 2016 dan pelawak dan telah menjadi artis yang cukup dikenali sehingga kini.

SEJARAH LISAN

**PENGENALAN
SEJARAH LISAN**

3.0 SEJARAH LISAN

3.1 Pengenalan

Secara umumnya, kajian ini lebih memfokuskan kepada sejarah lisan. Sejarah lisan merupakan salah satu sumber sejarah yang dapat digunakan sebagai penulisan sejarah. Tujuan sejarah lisan dilakukan adalah untuk menyimpan cerita-cerita, data-data pada masa lalu atau masa lampau walaupun tempoh dan peristiwa tersebut telah berlaku dari minda seseorang. Sumber sejarah lisan juga merupakan keterangan yang diungkapkan langsung oleh pihak yang mendengar atau menyaksikan peristiwa sejarah. Penggunaan sejarah lisan sebagai salah satu daripada cabang sejarah yang menjadi penting. Hal ini disebabkan kerana kekurangan sumber bertulis dan sumber arkeologi dalam pengkajian sesebuah sejarah. Oleh itu, sejarah lisan telah memainkan peranannya dalam melengkapkan sumber-sumber sejarah dan menjadi sumber yang menyokong kepada sumber-sumber primer yang lainnya.

Menurut Starr (1984), di dalam bidang sejarah lisan, seorang sejarawan telah melakukan proses temu bual atau temu ramah bersama individu bagi mendapatkan peristiwa-peristiwa sejarah yang difikirkan agak penting untuk dilakukan pada masa lampau. Nama sejarawan tersebut ialah Herodotus. Setelah itu, bidang sejarah lisan disambung pula oleh Thucydides, yang pada ketika itu banyak menulis sejarah dengan menggunakan pengalaman tentera-tentera yang terlibat dalam peperangan Peloponnesian (Morrison, 1998). Beliau menyatakan bahawa adalah agak sukar untuk mencari kebenaran untuk keseluruhan peristiwa. Hal ini berlaku kerana, ada segelintir saksi-saksi yang ditemu bual sukar untuk menerangkan secara terperinci pengalaman tersebut.

Seterusnya, dalam konteks definisi sejarah lisan pula, terdapat beberapa pandangan sejarawan mengenai konsep *oral history* atau sejarah lisan itu sendiri. Para sejarawan yang bersidang dalam *Proceedings of the National Colloquium on Oral History* pada tahun 1966 telah bersetuju bahawa “tiada takrif sejarah lisan yang eksklusif”. (Nadzan Haron, 2012: 74) manakala menurut pandangan dari (A.R. Fry dan W. Baum, 1969) seperti dipetik oleh (Mohd Amin Hassan, 1974), pakar-pakar dalam bidang sejarah lisan yang bersidang pada tahun 1968 telah

bersetuju untuk menerima definisi *oral history* (sejarah lisan) secara umum sebagai “suatu cara untuk mendapatkan dan mengumpulkan sekumpulan keterangan sejarah di dalam bentuk lisan, biasanya di atas pita rakaman”. Pendefinisian ini telah diberi bagi merujuk kepada usaha Prof. Allan Nevins iaitu seorang ahli sejarah dari Universiti Columbia, Amerika Syarikat yang melancarkan projek sejarah lisan yang pertama sekaligus dianggap sebagai individu yang mempelopori bidang sejarah lisan pada tahun 1948. Namun begitu, menurut A. Adaby Darban (1988) mengatakan bahawa sejarah lisan sebagai sumber sejarah yang terdapat di kalangan manusia yang mengikuti kejadian tersebut atau menjadi saksi kejadian masa lampau dan diuraikan melalui lisan. Bidang kajian sejarah lisan menjadi semakin berkembang pada tahun 1960-an dan diminati dalam pelbagai aspek teknik dan penggunaan sumber sumber sejarah.

Di samping itu, sama seperti sumber sumber sejarah yang lain, sejarah lisan juga mempunyai kaedah yang tersendiri. Sejarah lisan merupakan satu kaedah penting yang diguna pakai untuk merakam kenang-kenangan atau memori seseorang tokoh atau peristiwa lampau yang pernah ditempuhi secara wawancara atau temu bual. Oleh hal yang demikian, tokoh tokoh yang dipilih kebiasaanya dipilih antara mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri atau disebabkan oleh perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Dengan itu, segala maklumat yang didapati dari sesi wawancara atau temu bual tersebut, ianya akan disalin didalam buku atau kertas, kemudiannya salinan itu akan disemak secara terperinci dan akan ditaip agar dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Melalui sejarah lisan, rekod-rekod sejarah berkenaan suatu peristiwa dapat dilengkapkan kerana sebahagian maklumat masih tersimpan di dalam memori individu yang terlibat.

**OBJEKTIF
SEJARAH LISAN**

3.2 Objektif sejarah lisan

Mendokumentasikan sesebuah sejarah lisan merupakan perkara yang amat penting. Berikut merupakan tujuan penulisan sejarah dilakukan:

1. Untuk mendokumentasikan pengkisahan artis veteran yang dipilih sebagai kenangan di masa hadapan.
2. Untuk menemubual perjalanan hidup artis veteran yang dipikih sebagai rekod sumber primer.
3. Untuk dijadikan koleksi pendokumentasian sejarah lisan melalui artis veteran yang dipilih sebagai sumber rujukan pada masa akan datang.

KEPENTINGAN SEJARAH LISAN

3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Sejarah lisan merupakan warisan yang perlu dipelihara. Lazimnya, warisan merupakan suatu perkara yang dilakukan secara turun temurun dari satu generasi ke generasi yang lain. Secara tidak langsung, sejarah lisan mempunyai peranan yang besar untuk memelihara dan menambahkan sumber sejarah sedia ada. Adalah menjadi tugas bagi para pengkaji-pengkaji untuk menyelamatkan dan meneruskan apa jua keterangan bertulis yang akan menjadi sumber kepada peristiwa sejarah nanti.

Di Malaysia, serupa juga di negara-negara luar yang lain, kisah-kisah dan pengalaman artis veteran kian lenyap. Tambahan pula, pada masa kini adalah zaman dimana manusia boleh berhubung dengan cepat melalui telefon pintar, faks, email, bersua muka, antara satu sama lain. Seiring dengan perkembangan teknologi, secara tidak langsung, tradisi menulis surat menyurat yang panjang, penyimpanan catatan-catatan harian dan persediaan memo yang lengkap juga sudah menjadi kurang mustahak dan kurang penting. Oleh hal yang demikian, sejarah lisan ini boleh menentukan supaya tidak semua perkembangan-perkembangan dilupai atau hilang sebagai bukti sejarah untuk generasi pada masa hadapan.

Antara kepentingan dan sumbangan sejarah lisan adalah menjadi penyelamat dan menyediakan maklumat sejarah yang mungkin tidak dapat diperolehi oleh pengkaji akan datang. Sumber sumber sejarah kebanyakannya tidak direkodkan dan hal ini merupakan satu kerugian kepada sumber sejarah negara. Seiring dengan peredaran masa, antara masalah sumber sejarah adalah perkembangan komunikasi melalui telefon dan internet menyebabkan surat menyurat, memo dan penulisan menjadi kurang mustahak. Hal ini membawa kepada kurangnya penulisan rekod secara bertulis. Sesuai dengan tema kajian yang berkenaan dengan artis veteran, hal ini akan memberikan manfaat yang besar kepada pengkaji yang akan datang untuk mendalami sejarah artis veteran. Walaupun dunia semakin maju dan berkembang pesat seiring dengan teknologi yang semakin canggih, segala sumber sejarah dapat diakses dengan hujung jari sahaja. Namun begitu, sumber sejarah tersebut masih boleh diragukan kesahihannya.

Melalui kaedah sejarah lisan, pengkaji generasi seterusnya akan dapat mendalami maklumat sejarah berkenaan artis veteran tertentu untuk membuat kajian khusus pada masa akan datang. Oleh itu, penting kepada para pengkaji sejarah untuk mendekati tokoh-tokoh dan orang-orang sumber dalam memastikan keterangan lisan mereka dapat didokumentasikan sebagai sebuah sejarah lisan yang bertulis.

Selain itu, kepentingan sejarah lisan ini juga dapat mengisi kekosongan yang terdapat dalam sumber bertulis dan menjadi sumber tambahan untuk melengkapkan kajian yang mendalam dan mantap. Pada dasarnya, kebanyakan banyak sumber bertulis mengenai artis veteran di internet dan media media sosial. Namun bergitu, tidak kesemua maklumat yang tersedia merupakan maklumat yang sah. Melalui kaedah sejarah lisan yang digunakan, secara tidak langsung, ianya dapat menjadi sumber lain untuk menjalankan kajian mengenai kisah artis veteran itu sendiri. Kajian melalui sejarah lisan yang digunakan juga boleh dikatakan antara sumber yang lebih tepat dan mendalam kerana dapat memberikan maklumat tambahan yang mungkin tidak dapat dimana mana. Hal ini disebabkan, pengkaji akan mendapat maklumat langsung kata kata dari orang sumber atau artis itu sendiri.

Seterusnya, melalui sejarah lisan, pengkaji dapat menghasilkan sumber yang istimewa yang dapat menyelami emosi artis seni veteran dalam peristiwa yang dialaminya. Keterangan lisan daripada saksi mata akan membolehkan pengkaji menyelami emosi artis veteran itu terhadap sesuatu peristiwa tersebut. Sudah pastinya banyak kisah kisah belum diketahui kebenarannya oleh masyarakat luar dan ada kisah yang masih menjadi tanda tanya oleh sesetengah pihak. Selain dapat berbual secara langsung, pengkaji juga dapat mengamati reaksi wajah artis veteran tersebut sepanjang sesi wawancara, sekaligus dapat memotret peristiwa peristiwa suka dan duka yang dialaminya sepanjang menjadi seorang anak seni didalam industri hiburan. Oleh itu, menyelami emosi mereka adalah penting dalam menilai emosi mereka yang mencetus kepada peristiwa sejarah yang berlaku seterusnya melakukan pengadilan moral keatas mereka.

Di samping itu, dengan sumbangan sejarah lisan, ia akan dapat menjadi alternatif kepada memoir dan biografi mengenai artis veteran. Berkait dengan tema mengenai artis veteran ini, terpulang kepada pengkaji sama ada membuat sejarah lisan untuk tematik atau biografi. Jika biografi, ia akan menjadi lebih mudah kerana topik yang akan dibuakan lebih meluas. Hal ini kerana, kebiasaannya biografi lebih menjurus kepada kisah kisah mengenai riwayat atau cerita hidup seseorang dan setiap kisah ini akan ditulis oleh pengkaji secara terperinci dari rakaman yang dibuat semasa sesi temu bual dan dipindahkan dalam penulisan ilmiah. Tentunya, banyak memoir mengenai artis veteran yang tidak diketahui ramai. Ini hanya akan menjadi 'eksklusif' kerana hanya dapat maklumat maklumat yang lain dari yang lain semasa melakukan sesi temu bual sahaja.

**KAJIAN
LITERATUR**

TOPIK 1

4.0 KAJIAN LITERATUR

4.1 Topik 1

4.1.1 Industri Hiburan

Industri dapat didefinisikan sebagai suatu perusahaan yang dilakukan secara besar besaran yang mempunyai negara yang maju untuk mengeluarkan barangan. (Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, 2010). Hiburan pula dapat didefinisikan sebagai satu perbuatan yang menghiburkan atau menyenangkan atau yang mententeramkan hati. (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 1998).

Jika digabungkan keduanya, industri hiburan adalah suatu industri yang sedang berkembang dalam media dan dunia penyiaran kini dengan lebih meluas di negara kita. Di Malaysia, Industri hiburan muncul sejak sebelum merdeka yang pada ketika itu adalah zaman kegemilangan Studio Jalan Ampas. (Azmil Azali, 2021). Kenyataan yang sama diberikan berkaitan sejarah awal industri hiburan iaitu persatuan kalangan artis sudah mula bergiat sejak bermulanya zaman kegemilangan filem Melayu di Jalan Ampas, Singapura. (Jamil Sulong, 2007 & Mohamad Letfee Ahmad, 1999). Sejak dari tu, perkembangan dari pelbagai jenis filem dan muzik dicipta. Industri hiburan atau boleh dikatakan sebagai dunia seni hiburan, merangkumi banyak bidang iaitu seperti bidang muzik, bidang lakonan, bidang nyanyian, filem dan media massa adalah merupakan elemen elemen yang mempunyai unsur subjekif yang boleh dihayati oleh kesemua lapisan masyarakat. (Ahmad Fuad Afadhal, 2003)

4.1.2 Bidang Lakonan

Lakonan dapat didefinisikan sebagai lakon atau seseorang yang memainkan sesuatu drama, dalam erti kata lain sandiwara. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). “Lakonan” merupakan salah satu perkataan yang sering disebut sebut, namun begitu ianya tidak semudah diperkatakan dari sudut pengertiannya. Pelbagai istilah yang telah dikaitkan dengan bidang lakonan. Terdapat pendapat yang mengatakan, istilah lakonan sering bertukar ganti dari satu generasi ke generasi yang lain sehingga hari ini. Hal ini boleh dikatakan, lakonan telah berlaku satu transformasi sejak dahulu lagi. (Saparman Bakri, 1982). Selain itu, lakonan juga merupakan satu istilah umum yang memberikan makna kepada sebuah pementasan dan persembahan sesebuah drama. (Safiah Hussain, 1988).

Seterusnya, terdapat beberapa kaedah gerak lakon yang tertentu banyak ditambah seiring dengan perubahan transformasi yang berlaku. Kaedah tersebut banyak diubah suai dengan memasukkan beberapa unsur yang akan membantu lakonan tersebut agar lebih berkualiti. Ianya terbahagi kepada beberapa unsur lakonan seperti gerak tubuh, alunan suara, lokasi set penggambaran dan juga props. (Saparman Bakri, 1982). Oleh itu, seseorang pelakon mempunyai kaedah yang tersendiri bagi menyampaikan komunikasi dan melakukan karya di dalam seni persembahan. Hal ini kerana, suara dan gerak tubuh merupakan kaedah yang perlu dipelajari oleh semua pelakon. (Safiah Hussain, 1988).

4.1.3 Bidang Muzik dan Nyanyian

Secara umumnya muzik dan nyanyian merupakan dua perkara dan konsep yang berbeza. Istilah muzik ialah seni bunyi atau bunyi yang digubah untuk menghasilkan suatu bentuk irama yang indah dan menyenangkan. Muzik juga merangkumi banyak jenis bunyibunyian, ahli muzik dan pemuzik, pemain alat muzik atau juga pengubah muzik. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010). Manakala, istilah nyanyian pula ialah seni suara yang membuatkan seseorang itu bernyanyi, berlagu dan juga tukang nyanyi. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2010).

Muzik dapat dihasilkan apabila terdapat rangkaian bunyi, jika diorganisasikan dengan betul. Muzik-muzik yang terhasil bukan sahaja terhasil dari ciptaan manusia. Sebagai contoh, muzik seperti, nyanyian rakyat, simfoni, alatan muzik, vokal, elektronik, rock, balada dan sebagainya, namun, muzik juga merangkumi aktiviti yang ada di dalam industri hiburan seperti menyanyi, mendengar, menganalisis dan mencipta. Muzik terdiri dari notasi-notasi muzik mengikut nilainya. Oleh hal yang demikian, muzik tidak hanya terdiri daripada komponen-komponen muzik yang telah ditetapkan seperti melodi dan irama, namun ia juga banyak dikaitkan dengan banyak kaedah seperti bahasa, matematik dan sosial. (Halizan Ishak, 2014).

Selain itu, dalam bidang nyanyian. Istilah nyanyian pula lebih kepada seni suara seseorang yang dilontarkan dari mulut, sekaligus memberi makna dan pengertian serta kata kata yang mendalam atau mempunyai makna yang tersendiri. Sebagai contoh seperti sajak, syair dan lagu yang membawa mesej yang tertentu atau tersembunyi. Melalui nyanyian yang dipersembahkan juga, seorang penyanyi perlulah bijak dalam mengawal irama suara, dalam pada masa yang sama juga, menitikberatkan nada tinggi rendah agar nyanyian lagu yang dihasilkan itu berjaya disampaikan maksudnya. Tidak dilupakan juga turut mengutamakan kesedapan dan kemerduan dalam sesuatu lagu yang ingin disampaikan kepada para pendengar. (Halizan Ishak, 2014).

TOPIK 2

4.2 Topik 2

4.2.1 Artis Veteran

Bahagian ini menerangkan tentang kaedah kajian yang digunakan dalam peneyelidikan, Metodologi kajian terbahagi kepada dua iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat tentang artis veteran ialah kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif ini dijalankan secara atas talian dan bersemuka. Kualitatif juga memberikan maklumat secara pemerhatian dan perspektif yang terbuka kepada peengkaji untuk mendapat maklumat. Menurut Dr.H Abdul Manab (2015), penyelidikan dari kaedah kualitatif memberikan data yang benar dan perlu diteirma oleh peneliti. Kaedah kualitatif merupakan salah satu teknik yang boleh diperolehi daripada temu bual yang dilakukan di dalam sesuatu kajian (Jasmi,2012). Kaedah kualitatif ini dapat membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih tepat dari sumber yang mempunyai pengalaman tersebut. Menurut (Hamzah,2004) kaedah kualitatif mementingkan cara mendapatkan maklumat dengan perangkaan informasi bukan berdasarkan numerikal sahaja. Kaedah kualitatif dapat menjana kefahaman disebabkan kaedah interaksi dan bersemuka.

Kepentingan bagi kaedah kualitatif ialah pengkaji boleh mendapatkan maklumat secara mendalam dan lebih terperinci. Menurut Cresswell (1994), penyelidikan kualitatif sebagai proses kepada kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan oleh pengkaji dalam memerhatikan sesuatu masalah sosial. Pengumpulan data kualitatif dapat menyelidik kajian secara sudut pandangan manusia untuk memahami kehidupan dan pengalaman mereka. Pengkaji juga perlu memperolehi kepercayaan peserta supaya maklumat yang diperolehi mendalam dan mudah untuk difahami.

Kesimpulannya, kaedah kualitatif adalah kaedah yang paling berkesan dalam sejarah lisan. Hal ini disebabkan kaedah kualitatif boleh memberikan maklumat secara tepat tanpa perlu ditokok tambah oleh tokoh. Kaedah kualitatif mampu memberi pengkaji peluang untuk menilai manusia berdasarkan perbuatan, perkataan dan pengalaman yang dialami sendiri.

**TRANSKRIP
TEMUBUAL
BERSAMA TOKOH**

5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni hiburan di Malaysia. Bersama-sama kami ialah Encik Salih Yacob yang merupakan seorang yang dikenali sebagai, seorang pelakon, seorang penyanyi dan juga seorang penyampai radio, pelawak. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 23 November 2021 bersamaan dengan hari Selasa pada pukul 3.00 petang, bertempat di kediamannya sendiri. Temubual ini dikendalikan oleh saya, Nor Adila Natasha binti Jamaya dan juga Siti Nurhidayah binti Yusof, dengan segala hormatnya temu bual dimulakan.

SNY : Okey. (menghela nafas sambil bersandar)

SY : hm, (mebetulkan kaca mata) Korang sama-sama ah? satu _ (menuding jari)

SNY : Haah. Tak, dia tanya dulu. Takpe. (menggerakkan tangan)

NAN : Okey. (mengangguk-angguk)

SY : Okey, apa nak tanya ni?

SNY : (ketawa kecil)

SY : Datang jauh-jauh.

NAN : - pertama sekali nak tanya.

SY : Datang, susah jauh-jauh, (menggoyangkan kedua belah kaki) kan? (memandang kearah jurukamera)

NAN : Boleh tak *uncle* [pakcik, Mohd Salih bin Yacob] ceritakan serba sedikit tentang latar belakang diri *uncle*? (sambil menggerakkan tangan)

SY: Latar belakang eh? Latar belakang kat mana.

SNY : Macam nama sebenar? Eh? (bingung dan ketawa kecil)

SY : Latar belakang tak ada apa (ketawa kecil sambil menoleh kepala ke belakang seperti mencari sesuatu sambil ketawa besar)

NAN : Eh? (bingung dan ketawa kecil)

SNY : Eh, tak (ketawa kecil sambil menutup mulut)

SY : Latar belakang *uncle* ni daripada orang kampung la, daripada Sungai Besar [Selangor], *uncle* dilahirkan tahun enam puluh [60] – ha, tahun enam puluh [60] _ _ enam puluh satu [61] _ _ disana *uncle* belajar disana (menggerakkan tangan), sekolah rendah, sekolah menengah. Habis sekolah tu baru *uncle* berhijrah ke Kuala Lumpur [Malaysia] (sambil menggerakkan kaki)

SNY : *uncle* ha jap, *uncle* _ _

NAN : Okey, - ha, cuba *uncle* ceritakan pasal diri sendiri *uncle*. Ha, kita tanya soalan eh (menggerakkan tangan) ha, siapakah nama sebenar *uncle*?

SY : Nama sebenar?

NAN : Nama penuh.

SNY : Nama penuh.

SY : Yeke? Tadi tak dapat eh? (ketawa besar)

NAN : ha, sebab nak *record* [rakam]

SY : (ketawa besar)

SNY : Eh ha *uncle*, kitaorang dah *record* [rakam] ___ (ketawa sambil menutup mulut, menggangguk kepala dan membetulkan tudung)

SY : Yelah, kan nak santai, santai la (menggerakkan tangan sambil ketawa kecil)

SNY : Ha, okey (ketawa kecil) ha, okey.

SY : Nama penuh tu, Mohd Salih bin Yaacob, nama ikut pada *IC* [Identity Card] [kad pengenalan diri] ah (menggerakkan tangan di sofa)

SNY : hm (menggangguk kepala)

SY : Tapi pada _ atas nama *glamour* [terkenal] tu Salih Yacob je la orang panggil kan. Selalu guna nama tu, ha. (menggerakkan tangan sambil menggerakkan kaki). Dari anak yang kelapan [8], daripada lapan belas [18] adik beradik.

SNY : Ha, daripada lapan belas [18]

SY : Lapan belas [18] adik beradik. Kemudian orang lain bela (menggerakkan tangan)

NAN : Orang lain?

SY : Orang lain bela la.

SNY : Oh, hm (menggangguk kepala)

NAN : Oh, okey (sambil menggangguk kepala)

SY : Bila orang lain bela tu, Yacob tu bapa angkat saya la.

SNY : Oh.

NAN : Oh, yeke?

SY : Ha, yeke.

SNY : Eh, yeke.

NAN : Mengenai ejaan tu _?

SY : _ memang dulu zaman dulu kan zaman British [zaman sebelum merdeka].
Kitaorang zaman -- mat saleh semua. Itu sebab nak taruk [letak] Salih Yeccob
(menggerakkan tangan)

SNY : Oh (sambil mengangguk kepala)

SY : Jadi, _ _

NAN : Oh, Dimana - *uncle* dilahirkan?

SY : Di Sungai Besar --, Selangor [Malaysia].

SNY : Sungai Besar, Selangor [Malaysia] Oh, *uncle* memang orang sini la?

SY : Orang, kira, kalau asal orang dulu dulu tu, tak tahu la diorang daripada Pahang
[Malaysia] ha kan.

SNY : Ha -- (sambil mengangguk kepala)

SY : _ pastu, berhijrah, tapi *uncle* lahir di Sungai Besar la [Selangor] _ _

SNY : Sungai Besar [Selangor] ha (sambil mengangguk kepala)

NAN : Dibesarkan pun di Sungai Besar? [Selangor, Malaysia]

SY : Di Sungai Besar [Selangor, Malaysia], jadi masa tu __

NAN : Okey, anak kelapan [8] kan tadi? *Uncle* anak keberapa tadi?

SY : Ha?

SNY : Kelapan [8] dari lapan belas [18]

NAN : Lapan [8] kan?

SY : Adik _ adik beradik betul la tapi yang angkat ni dah tinggal tiga [3] orang adik beradik je, yang lain semua dah meninggal.

NAN : Oh (mengganguk)

SNY : Oh (mengganguk)

NAN : Bagaimana perwatakan *uncle* sebagai seorang – anak, seorang abang atau adik? Atau seorang ayah?

SY : Kira anak yang baik la.

SNY : Oh, Ya Allah (ketawa kecil) anak _ betul la *uncle* betul.

NAN : (ketawa kecil)

SY : Biasa lah orang kampung kan (ketawa kecil)

SNY : Hm, betul (mengganguk)

SY : Jadi saya dibela daripada kecil, melalui bapa angkat tadi, kita hidup di suasana, yelah di dalam satu keluarga yang baru la, kira, tapi saya tak terasa apa, sebab masa tu memang kita, yelah kat kampung. Dekat -- situ jugak keluarga _ _ _ _
Dari situ, saya mula belajar hidup tentang kehidupan __ macam, _ kita tahu kita

siapa, tapi kita tak mengasingkan la. Tapi macam mana pun kita kene, kata orang, ada tekad untuk membawa diri sendiri la, macam mana kita nak berjaya pun, macam mana pun kita kena usaha untuk diri kita sendiri. Kan? (sambil menggerakkan tangan)

SNY : Hm (mengangguk)

SY : Bukan kita nak menyalahkan bapa angkat saya kan, kita ni, kira, alhamdulillah menumpang. Tapi alhamdulillah la dengan diorang punya didikan, ____, diorang punya __ _ tadi. Sampai harini la *uncle* bertahan. (menggerakkan tangan dan menggerakkan kaki)

SNY : Berjaya, berjaya la (sambil mengangguk kepala) *uncle* berjaya la bawa diri.

NAN : Alhamdulillah la. (mengangguk kepala)

SY : Jadi, *uncle* sekarang, dulu muda sekarang dah tua dah (menggerakkan kaki)

SNY : (ketawa kecil)

NAN : (ketawa kecil)

SY : Dah pencen dah. Tahun ni dah kira pencen la (sambil menggoyangkan kaki)

NAN : Okey, ha boleh saya tahu hobi *uncle*? hobi?

SY : Hobi (sambil meletakkan tangan di sofa) saya _ masa sekarang dah kurang la. Dulu, _ suka la sukan.

NAN : Suka sukan (mengangguk)

SNY : Suka sukan (mengangguk)

SY : Takraw, main badminton, banyak aktiviti-aktiviti yang kira kasar jugak la kan.

SNY : Hm (mengangguk)

NAN : (mengangguk)

SY : Masa masa tu, pastu, kita sibuk dengan kerja. Jadi masa tu terhad la, tak ada terlalu sibuk nak bersukan sangat.

SNY : Hm betul (mengangguk)

SY : Masa sekolah pun tak ada bersukan sangat pun. Suka-suka gitu je la kan.
(menggoyangkan kedua-dua kaki)

SNY : Oh, ha faham -- (mengganguk)

NAN : Okey, ha yang ni. Seterusnya, ha soalan ni *cliché* (sesuatu yang biasa) la eh. Nak tahu makanan dan minuman kegemaran *uncle*?

SNY : Makanan dan minuman.

SY : Makanan saya orang Selangor [Malaysia] (sambil menggerakkan tangan). Asam pedas.

NAN : Asam pedas?

SY : Orang rumah, orang Johor [Malaysia]. (sambil jari menunjuk kearah isterinya) [Samihah binti Syeikh Ali @ Emi] Dia masak lain, dia masak masak *steak* (stik), saya asam pedas, Ha, apa tadi? Minuman? (menggerakkan tangan)

NAN : Minuman. (megganguk kepala)

SNY : Ha.

SY : Minuman nescafe. Dulu kopi. (mengganguk kepala)

SNY : ha, kopi. (mengangguk kepala)

NAN : Ha minum -- (sambil membaca skrip soalan)

SY : _ nescafe. (mengangguk kepala sambil mencapai secangkir minuman nescafe dan minum)

SNY : (Ketawa kecil)

NAN : Soalan seterusnya, nak tahu tentang keluarga (mengangguk kepala)

SY : Hm (mengangguk kepala sambil meletakkan semula cangkir minuman)

NAN : Boleh tak *uncle* ceritakan serba sedikit tentang keluarga *uncle*?

SNY : Maksudnya keluarga. (menggerakkan tangan)

SY : Keluarga? Keluarga macam mana? __ (menggerakkan tangan)

SNY : Keluarga kandung ke keluarga angkat *uncle* ke _

SY : (ketawa besar)

SNY : Tak kesah, ikut *uncle*, ikut keselesaan *uncle* (menggerakkan tangan sambil mengangguk)

SY : Dalam keluarga angkat saya, kami tak berapa rapat la. (sambil mengangguk kepala)

SNY : Ha (mengangguk)

SY : kami cuma _ biarlah berasing daripada kecik tapi _ rapat -- gitu je la.

SNY : Ha -- (mengangguk)

SY : Tapi saya lebih rapat pada keluarga angkat la.

NAN : Keluarga angkat (mengangguk)

SNY : Keluarga angkat (mengangguk)

SY : sampai sekarang mak angkat saya masih ada lagi, umur dah sekarang dah _
tahun. Jadi yang rapat tu yang _ _ . sebab kitaorang membesar kat situ,
kitaorang bersawah, bertani kan, jadi banyak kerja-kerja tu melibatkan
keluarga - - kat situ la. Ha jadi saya ada lagi dua orang adik-beradik, lelaki dan
sorang perempuan, itu je la kami, kalau balik raya pun, kat situ la kami
berkumpul. Ha jadi sekarang ni, lebih rapat pada keluarga angkat la. (sambil
menggoyangkan kaki)

NAN : Oh okay. (mengangguk)

SY : Tapi dah anggap macam keluarga betul la. _ _ takde _

SNY : Keluarga angkat *uncle* duduk mana? _

SY : Di Sungai Besar ah [Malaysia]

**SNY : Oh, di Sungai Besar [Malaysia], oh _ memang kat situ je la (mengangguk
kepala)**

SY : Ha, kat situ ah.

NAN : Jadi ha nama ibu bapa *uncle*? Nama?

SY : Itu sebab saya dulu, dia, pada keluarga angkat tu, kerana nak kan memilih saya tu, dia nak amek, jadi cuma nak tukar nama la kan. (sambil menggerakkan tangan)

SNY : Oh (mengganguk)

SY : Jadi tukar bin semua la kan. _ orang dulu dulu ah _ . Jadi bapak saya Yaccob, bapak angkat yang ambik tu, Yaccob Haji Salih. Jadi kerana nak ambik saya, taruk [letak Salih pulak.

SNY : (Ketawa kecil)

SY : (ketawa kecil) jadi asalnya. Dia memang macam tu lah. Kalau bapak saya betul Idrus.

SNY : Hm (mengganguk)

NAN : Oh okey faham (mengganguk). Mengenai pekerjaan ibu bapa *uncle*?

SY : Oh diorang sebagai pekebun . ha apa orang kampung

SNY : oh, pesawah la, pekebun.

SY : Dia pesawah, tu bapak saya dia _ ikut hobi dia, dia nak kelaut, kelaut. (menggerakkan tangan), nak --jadi *cameraman* [jurukamera], *cameraman* [jurukamera] (sambil menunjuk kearah jurukamera sambil ketawa kecil). Jadi macam - - aktiviti dia buat, itu dia, itu bidang dia. (menggerakkan tangan)

NAN : Sekarang? Sekarang buat apa? duduk rumah je la?

SY : Sekarang ni, sekarang, saya tengah ada dalam perancangan (menggaru kepala) nak buat untuk akan datang en (sambil menepuk paha) untuk mengatur susunan, apa benda yang sesuai lepas PKP [perintah kawalan pergerakan]. PKP [perintah kawalan pergerakan] ni banyak benda benda yang dulu kita buat, dah tak boleh buat sekarang. (menggerakkan tangan)

SNY : Ha betul. (mengangguk)

SY : Dia dah tukar dah, dah tukar, *railway* [landasan kereta api] tu dah lari ke tempat lain.

SNY : (Ketawa kecil) hm (sambil mengangguk kepala)

NAN : (Mengangguk) ha okey. Ni pasal _ (sambil membaca skrip)

SNY : Ni pasal keluarga *uncle* sendiri la, ha keluarga - - besar *uncle* ni, berapa bilangan anak dengan *uncle* yang ada sekarang?

SY : Semuanya ada dua belas [12] ataupun tiga belas [13], tu sorang dah meninggal la tapi meninggal masa lahir _ maknanya dua belas [12] yang ada. Dalam lima ribu [RM 5000].

NAN : Ha? (reaksi bingung)

SNY : Eh? (reaksi bingung) Oh, lima [5] oh, dengar lain. okey - - (ketawa sambil mengangguk kepala)

NAN : Oh okey (mengangguk kepala)

SY : ha lima ribu [5000] (menggerakkan tangan) _ _

NAN : Cucu? Cucu *uncle*?

SY : Cucu. (sambil memandang keatas dan berfikir)

SNY : Ramai la.

NAN : Ramai kan?

SY: Ha ramai la ___ (meletakkan tangan di kepala)

SNY : Ke *uncle* dah ada cicit? *Uncle* dah ada cicit?

SY : Belum. _

SNY : Oh, belum lagi. (mengganguk)

NAN : Oh, belum (mengganguk)

SY : Ada, cucu yang besar, __ tapi cucu sedara la.

SNY : Oh ha cucu sedara (mengganguk kepala) Okey ni pasal soalan _

NAN : (sambil menyelak kertas), soalan seterusnya mengenai pendidikan *uncle*.

Bagaimana pula dengan latar belakang pendidikan *uncle*?

SY : Masa *uncle* dikampung dulu, *uncle* belajar daripada sekolah rendah, sekolah menengah, lepastu sampai SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] la _

SNY : Sampai SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] (mengganguk)

SY : Sampai SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] la.

NAN : Okey (mengganguk)

SY : Sampai kat situ je *uncle* dah *stop* [berhenti] lah, takde sambung. Sambung kerja la. Jadi masa __ (menggerakkan tangan)

NAN : Nama -- sekolah -- *uncle*? (menggerakkan tangan)

SY : Sekolah Rendah Sri Utama, Sekolah Seri __, *uncle* dulu mula sekolah omputih, ha sekolah omputih. Pastu tak lulus __ (ketawa kecil)

SNY : (ketawa kecil) kenapa?

NAN : (ketawa kecil)

SY : masuk aliran biasa. Tu je cara dia. (menggerakkan tangan). Tapi _____. Pastu *uncle* pindah ke __ merantau di Kuala Lumpur [Malaysia] ni cari kerja, tahun lapan puluh [80]. Ha disitu lah mulanya.

NAN : Oh okey ni nak masuk -- mengenai kerjaya awal okey. Apa yang *uncle* lakukan sebelum menceburi industri seni? Maksudnya kerja apa?

SY : *Uncle* bekerja, *uncle* buat kerja kilang, kerja kapal, yelah tengah nak cari kerja kan. Kebetulan dalam seni ni pulak, ada satu badan kesenian, daripada Jabatan Penerangan PENTARAMA [Persembahan Penerangan melalui Nyanyian, Tarian dan Drama . Dia yang __ tapi masa tu *uncle* memang nak kerja. Jadi *uncle* kene buat serba serbi la. Menari, menyanyi, berlakon _ apa ni pelawak. Di pentas tu untuk buat kempen seluruh Malaysia, Sabah Sarawak [Malaysia] (sambil melunjurkan kaki ke hadapan)

NAN : Oh, itu sebelum jadi artis tu la? (menggerakkan tangan)

SY : Ha sebelum tu. (menggerakkan tangan). Maksudnya *uncle*, maksudnya *uncle* dah duduk, dah dididik dari pentas tu.

SNY : Kiranya, -- *uncle* datang merantau ke Kuala Lumpur [Malaysia] pastu *uncle*

mula _ _

SY : Tapi kerana kita nak - - yelah cari rezeki la (sambil menggerakkan tangan), kita nak cari duit la masa tu, bukan la ada gaji tetap cuma, dia, tak macam _ dia gaji satu hari sepuluh ringgit [RM 10]

NAN : Oh, masa tu la (sambil mengangguk) tapi masa tu pun sepuluh ringgit [RM 10] kira banyak jugak la kan?

SNY : Kira besar la? Besar.

SY : Kita diserapkan kat dalam tu maknanya ada kerja, ada gaji la. Maknanya kalau sebulan kita, tiga puluh [30] hari tu, tiga puluh [30] hari la kita dapat sepuluh ringgit [RM 10]. Tapi bila keluar stesen, dia bayar elaun pulak. Haa, di situ lah, tapi dulu lepas la, masa kita bujang untuk, sewa rumah ke, duduk dengan kawan (sambil menggerakkan tangan).

NAN : Jadinya sebelum jadi artis pun dah macam berlatih jadi artis? (sambil menggerakkan tangan)

SY : Ha memang, itu tangga dia. (batuk sambil menutup mulut)

NAN : Oh (mengangguk)

SNY : Oh (mengangguk)

SY : Pastu saya masuk, orkestra tentera darat. Ditawarkan masuk orkestra tentera darat dalam bidang kesenian. Ha disitu pulak, dibesarkan lagi, disitu sampai *tv* [televisyen]. Sampai keluar program *tv* [televisyen] la. Ha (sambil mengerakkan kaki)

NAN : Boleh tahu ha sejak tahun bila? (sambil membetulkan mikrofon di baju)

SY : Tahun lapan puluh [80], sampai lapan puluh tiga [83] di PENTARAMA. Masa tu ramai, Sharifah Mona [penyanyi Malaysia], _ _, Shila Amin [Noorshila Amin, penyanyi Malaysia], Jamal Abdillah [Dato' Jamal Ubaidillah bin Haji Mohd Ali, penyanyi Malaysia], lepas tu ramai lagi la. Siti dan angkatan-angkatan dulu. Jadi lepas tu, masuk ke orkestra _ tentera darat, lapan puluh tiga [83] sampai lapan puluh enam [86]

NAN : Oh okey.

SNY : Oh okey.

NAN : Ha okey lah tak ada skrip, maknanya setiap watak tu boleh ada bagi peranan lah.

SY : Ha kita dah *standby* [siap sedia] benda ni, benda ni mesti dah siar, tu radio punya kerja. Bukan kita nak *relax* [santai], bukan kita nak bertelefon, tak ada (menggeling kepala), itu zaman *uncle* lah. Zaman diaorang dulu, mungkin nak bercakap pasal benda ni kan. Lain, corak dia lain, *uncle first* [pertama] bawak komedi dalam *DJ*, sebelum tu mana ada.

NAN : Ohh, *uncle* bawak komedi dalam *DJ* (mengangguk kepala)

SY: Dengan suara ni, *uncle* bawak komedi dengan segala apa suara aku boleh bawak aku bagi lah (ketawa besar sambil menggerakkan tangan). Itu beza dia, ha kan diaorang nak buat boleh ke, tak boleh lah sebab *uncle* dah buat (ketawa kecil). Ha ni Salih Yacob dah buat macam tu lah. Macam kita buat apa tu sekarang, ala ni ‘P. Ramlee’ [Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh, seniman agung negara] dah buat lah. Macam tu lah (ketawa besar). *Trademark* [tanda dagangan] tu dah ada.

NAN : Okey, ha apa cabaran *uncle* dalam bekerjasama dengan artis lain dalam menjayakan sesuatu karya seni?

SY : Dia kerjasama ni kalau dalam bidang lakonan tu, diaorang memegang watak diaorang dan skrip diaorang lah (menggaru telinga) tu je cara dia. Macam kalau *show* [persembahan] tu diaorang buat cara diaorang, nyanyian diaorang. Kita memang dah hadir kat situ, tu tak ada apa perlu kita nak ni pun.

NAN : Kalau *uncle* jadi pelawak pun *uncle* sendiri jugak lah.

SY : Haa *uncle* sendiri lah kena merapu nya kat situ, mengusiknya kat sana, mengusik kat sini. Tu je.

NAN : Penyampai radio pun *uncle* sendiri jugak kan.

SY : Haa tu sebab diaorang tu, macam Adi [Adifashla Juraimi, bekas penyampai radio Sinar FM] tu dia cuma tukang gelak je, tak boleh nak sampaikan benda spontan tu (menggerakkan tangan kiri) jadi *uncle* tembak je kau gelak (ketawa besar). Dia bagi api lah.

NAN : Okey, ha ada berlaku apa--konflik tak bersama dengan rakan sekerja?

SY : Tak ada tak ada, kita nak bekerja bidang ni kita kena bebas hati kita kena lapang (meletakkan tangan di dada) tak perlu ada musuh tak perlu ada sangka orang ni lebih orang ni kurang, tak ada (menggerakkan tangan sambil menggeleng). Kita kena bawak sesuatu benda yang ikhlas yang pekerjaan ni rezeki.

NAN : Ada orang lain dengki ngan *uncle* ke (menggerakkan tangan)?

SY : Dengki, tak apa kau dengki kat luar, biar lah.

NAN : Tak kisah lah.

SY: Tak kisah lah.

SNY : Yang penting kita tak ada dengki.

SY : ___ itu sebab kita tak perlu sangat nak campur-campur dengan diaorang ni. Ada masa- -kita campur, campur lah. Takde, takpelah.

SNY : Kiranya macam apa rakan sekerja macam tu je__ (menggerakkan tangan).

SY : Habis--waktu kerja, okey *byebye* [selamat tinggal] (sambil melambaikan tangan).

SNY : Tak ada lah macam _ (menggerakkan tangan).

SY : Tak ada, tak ada. Tapi kalau dulu--habis *shooting* [penggambaran] kita akan sama-sama pelakon ke kru ke “Okey, meh kita gi kedai mamak, makan”(membuat gaya mengajak orang). Ha itu dulu ada lah. Sekarang tak ada lah. Sekarang entah, tak sesuai lah (menggaru ketiak) dengan *busy* [sibuk] dia tu lain sikit (sambil melihat telefon).

NAN : Kalau konflik dengan kru-kru produksi?

SY : Tak, tak ada konflik (sambil mencabut wayar cas telefon).

NAN : Biasa je lah diaorang.

SY: Tak ada nak konflik--apa semua tu (sambil menutup suis cas telefon). *Uncle* tak ada fikir tu semua. Kau buat kerja kau, aku buat kerja aku.

NAN : Ada yang kacau-kacau *uncle* ke? Kru-kru ke?

SY : Ada yang mana pasal--benda ni melibatkan agama , pasal poligami ni pasal amalan sebenarnya ibadah. Jadi mana--yang tak setuju dia menentang lah dia kata kononnya kita ni tidak pandai agama apa benda, ni dah ketentuan Allah aku nak cakap macam mana, bukan pandai--nak jadikan benda tu terjadi, jodoh kan. *Uncle* buat, takde masalah.

NAN : Jadi kontroversi tu lebih menaikkan daripada __ (menggerakkan tangan)

SY : Menaikkan, memang menaikkan satu [1] surat khabar tu satu [1] hari pun habis *sold out* [habis dijual] (menggerakkan tangan) cerita *uncle*.

NAN : Cerita pasal *uncle* je lah (ketawa)

SY : *Uncle* masa tu muka (membuat gaya menulis), muka depan (batuk sambil menutup mulut). *Uncle* tak takut lah sebab alhamdulillah lah tujuan dia memang nak jatuhkan (menggerakkan tangan kanan ke bawah) sebab masa *uncle* akad nikah tu (membuat gaya bersalam) satu [1] kamera tu *uncle* tahu ini dia tak tulis apa-apa tau (membuat gaya menulis).

NAN : Oh ya

SNY : Kiranya media lah (menggerakkan tangan)?

SY : Media lah, *uncle* kata ni untuk kita-kita je ni (menggerakkan tangan), tapi ini kita tahu lah kamera stesyen macam mana kan tapi tak tulis lah (membuat gaya menulis). Malam tu *uncle* sampai kat hotel daripada masjid tu dah keluar tajuk berita 'Salih Yacob selamat diijabkabulkan' (membuat gaya membaca sambil ketawa besar).

SNY : (Ketawa kecil)

SY : Jadi maknanya, dia tarik kau punya perasaan (menggerakkan tangan seperti menarik).

NAN : Boleh eh macam tu?

SY : (Mengangguk) Boleh.

SNY : Jadi macam mana? Maksudnya berubat lah ke macam?

SY : Tak, kita lawan (mengangkat tangan seperti berlawan). Kita lawan maknanya menggunakan Al-Quran macam tadi lah yang kita belajar. Yang banyak--tu tempat yang kita belajar yang boleh diguna pakai (menggerakkan tangan seperti berpusing) kita bawak atas Syahadah, atas Al-Fatihah tu tapi dengan makna dia, dengan maksud tu sekali (menggerakkan tangan). Kita terangkan pada diri kita ni (sambil menunjukkan diri sendiri) supaya benda-benda dalam diri kita ni yang duduk dalam diri kita ni supaya terpelanting, ha jadi *uncle* pun buat-buat sampai di Mekah pun alhamdulillah orang pun mintak, mintak petunjuk tu jadi *uncle* tunjuk nilah cara dia (menunjuk tangan ke depan), guna kaedah _ ke apa benda.

NAN : Kan *uncle* ada cakap pasal roh, jiwa sebagai seorang artis (menggerakkan tangan).

SY : *Yes* [Benar]. Eh kita, itu sebab kenapa artis ni, seorang orang seni ni luas kedudukannya contoh 'Michael Jackson' [Michael Joseph Jackson, Raja Pop Amerika Syarikat] satu [1] dunia kenal dia (menggerakkan tangan) maknanya roh dia besar walaupun dia tak kira lah jenis apa pun. Tak pun 'P. Ramlee'lah kata dah dia tak ada pun, masih ada lagi *mood* [perasaan] (menggerakkan tangan) makna roh dia, roh seni lah bukan roh dia, roh seni dia tu, dia je boleh bawak suara dia macam tu, gaya dia macam tu (menggerakkan tangan menyanyi), orang lain bawak. "Ala, orang kata bagi orang lain lah rimas lah" (ketawa besar) ha kan.

NAN : Mengenai kontroversi yang *uncle* hadap tu? Macam mana *uncle handle* [tangani]?

SY: *Uncle handle* [tangani] pasal kita berani kerna benar, kalau *uncle* benar apa *uncle* nak takut. Aku cakap okey lah tak ada satu-satunya yang boleh sebab benda tu tidak, takda merosakkan pun, rezeki makin bertambah jugak (menggerakkan tangan), ada jugak kehidupan kita, kita lalui (menggaru tangan) yang biasa-biasa lah, hidup ni mesti diteruskan. Jadi *uncle* berpegang pada itu lah ha dari segi amalan-amlan yang kamu mampu, kamu buat lah tak payah lah nak susah hal orang (menggeleng kepala) tak-payah--. Jagalah diri kamu masing-masing kerna nak balik pun, besok diri kita nak balik ha jadi mana seni ni, roh, suara mana kau nampak, “boleh nampak?”

SNY : Tak (menggeleng)

SY : Suara tu sentap kenapa sampai boleh sentap (menggerakkan tangan ke atas)

SNY : Hm (mengangguk)

SY : Jadi ada satu [1] *power* [kuasa], kuasa tapi kuasa itu luar biasa ha kerna dia dah dianugerahkan bakat jadi disitu lah bakat tu berkumpul kat situ untuk dia nyatakan pulak (menggerakkan tangan) diri bakat dia tu. Barulah terkeluar macam ‘Siti Nurhaliza’ [Dato’ Sri Hajjah Siti Nurhaliza binti Tarudin, Penyanyi nombor satu [1] Malaysia] dulu tu dengan bakat, dengan rupa dia jadi dah pakej tu ada (menggerakkan tangan) memang ruang dia luas lah.

NAN : Satu [1] pengetahuan yang baru lah buat kami. Sebab kami tak tahu pun benda ni

SY : Habis dengan kemaafan tu satu [1] kekuatan yang kita tak sangka (menggenggam tangan kanan) walaupun kita tak balas dia tapi Allah balas dia. Pada kita dia takde apa-apa tapi pada Allah “kau belum mintak pada Allah lagi, aku dah maafkan takpe tapi pada Allah kau sendiri mintak.”(batuk) Tu yang *uncle* belajar jadi dengan situ *uncle* pelan-pelan cari diri kehidupan ni cara mana, cara zahir macam ni cara batin macam ni. Kita ada zahir batin (menggerakkan tangan) bukan kita jadi seni tu kita jadi pelakon tu bukan jadi begitu sahaja. Kalau jasad kau, takda roh macam mana kau boleh hidup ke. Nak bercakap, cakap ni pun ada roh kan (menunjuk mulut) mulut ni alat, telinga alat (menunjuk telinga), mata alat (menunjuk mata) tapi disitu kita kena baru boleh bentukkan satu [1] suasana seni yang cantik (menggerakkan tangan).

SNY : Hm (mengangguk)

NAN : Hm betul (mengangguk)

SY : Jadi, bila dengar tu lembut je, bila dengar tu kata orang ada *something* [sesuatu] yang orang pegang (menggenggam tangan) tapi kita bukan kita--pun tak perlu nak tahu biar orang tu sendiri yang tahu ha macam tu lah.

NAN : Soalan seterusnya, sebagai seorang artis ada tak, apa-apa karya *uncle* yang tak seberapa dapat sambutan dari masyarakat? Tak kisah lah nyanyian ke? __ apa ke?

SY : Tapi yang dapat, yang lepas tu *uncle* rasa dah *complete* [lengkap] tu sebab *uncle* berhenti kat *shoot* [penggambaran] kerana dah *complete* [lengkap] *uncle* pergi ke bidang lain *uncle* pergi macam tu lah (menggerakkan tangan ke arah kiri).

NAN : Kiranya takde apa, kiranya okey je lah?

SY : Tapi anugerah--tu takde lah, *uncle* tak takdelah sampai ke situ (menggeleng).

NAN : Tapi *uncle* ada pencalonan kan?

SY : Calon banyak kali dah, cuma calon-calon nya itu je lah (menggerakkan kepala).

NAN : Okey lah tu jadi calon pun. Okey, secara ringkasnya macam mana *uncle* atasi setiap masalah atau cabaran sebagai seorang artis dalam dunia seni?

SY : Oh secara ringkasnya.

SNY : Secara ringkasnya (ketawa kecil)

NAN : Secara ringkasnya pun nak satu-satu (ketawa kecil)

SY : Sebenarnya dia mesti ada bekalan dalam diri, bekalan dalam diri tu terutamanya adalah agama. Agama ni kita dapat melalui pelajaran daripada sekolah, daripada pergaulan, daripada masyarakat dan sebagainya.

NAN : Okey (mengangguk)

SY : Yang kita belajar kan, ilmu agama tu mesti kuat dalam diri kita (mengenggam kedua belah tangan) yakini bahwa satu-satunya kuasanya hanya Allah yang Berkuasa. Jadi kalau kata rezeki, Allah punya. Jadi *uncle* bergerak terus kerana Allah jadi kita bergerak (bunyi loceng pintu) (batuk) kita bergerak di luar tu Lilahitaala' "aku nak mencari rezeki untuk anak bini aku" itu ibadah kita. Jadi kalau kau nak kacau, kau punya pasal lah

NAN : Hm.

SY : Ha itu sahaja jadi yang tawakkal itu, itu namanya yang tawakkal Lilahitaala' kita tawakkal baru lah kerja kita tu berhasil menjadi, kita tak takutlah, apa kita nak takut kan. *Uncle* sekarang dah tiga [3] tahun pencen, *uncle* tak bergerak duduk dalam rumah sesekali dua [2] ada buat kerja. Alhamdulillah rezeki tak putus.

NAN : Sejak PKP ni lah *uncle* dah *slow* [perlahan].

SY : Memang lah *slow* [perlahan], tapi PKP tu kita paham lah, ada ruang lagi yang kita boleh dapat rasa. Ha (meletakkan tangan ke perut) takdelah sampai mintak-- takdelah inshaAllah (menggeleng kepala).

NAN : Cakap pasal PKP ni kan, sejauh mana pandemik memberi kesan kat *uncle* dalam bidang seni?

SY : Sebab bila benda ni berkaitan pada agama sebenarnya

NAN : Agama?

SY : Agama jugak *uncle* pulihkan lima [5] enam [6] orang yang kena COVID. Pernah, pasal *uncle* telefon je (membuat gaya menjawab telefon) cakap amal kita dah banyak bersepah dah kan iman ko kat mana? Macam mana nak jawab? Iman ni apa ha? Eh takkan iman apa pulak? Percaya pada rukun iman kau tak caya, *check* [periksa] balik?

NAN : Hm (mengangguk)

SY : Ini sebenarnya, *uncle* alhamdulillah lah anak-anak *uncle* sihir *uncle* __ tu pulihkan balik tidak terbaring dia. Sampai sini-sini sakit (menggosok lutut) pastu dalam sepuluh [10] minit bangun alhamdulillah buat kerja, biasalah tu, habis dah. Sebenarnya ini adalah permainan, pasal kita dah pijak di alam muka bumi dunia, permainan di akhir zaman tapi kita tak lah, tak perlu nak uar-arkan pun, untuk diri kita sudah lah.

NAN : Hm (menangguk)

SY : Iblis tu apa tugas dia? Tugas iblis tu daripada dulu sampai lah kiamat besok inilah kerja dia (menggerakkan tangan) merosakkan--jadi yang kita kata “siapa nak tolong kita? Siapa yang jaga kita? Siapa yang makan minum siapa yang jaga perut kau buat proses? Bukan Allah jaga ke?”

SNY : Hm (mengangguk)

SY : Dah terang--adanya Allah dan Muhamad [Nabi Muhamad SAW] tu pada kamu (menggerakkan tangan) atas syahadah yang kamu ucap. Kamu lahir bukan dipaksa, kamu mati tidak dipaksa. Kerna kamu melahir dalam perintah.

NAN : Hm (menggangguk)

SY : Lahir tu dalam perintah bukan kau “aku-nak--lahir ke dunia” kemudian mak bapak kita pun tak mintak tak tahu siapa yang lahir (ketawa kecil). Jadi ini yang sebenar-benarnya barulah bila kita duduk dalam satu-satu kehidupan ni kita mulakan Allah, Muhamad [Nabi Muhamad SAW] dulu. Allah yang mulakan dulu (menggerakkan tangan) baru kita ikut, kita tak boleh kita men-mendahului. Kalau mendahului macam-macam lah perangai--yang tak elok menipu, mencuri, macam-macam jadi benda-- tu lah perlu ada pada diri manusia. Kita belajar, usah susah banyak lah (menggerakkan tangan), kau belajar agama kerna apa? Kat sekolah ada belajar agama? Kerna nak lulus kan?

NAN : (Ketawa kecil)

SNY : (Ketawa kecil)

SY : Adakah kerna agama tu? Takde kan? Ha itulah (ketawa besar)

NAN : Yang penting nak lulus lah

ketuhanan bukan lagu dakwah, lagu bukan bunyi lagu dakwah tapi ketuhanan macam apa ah (berfikir) 'Al Azmi' eh " *dunia ini hanya pinjaman, ingatlah sekalian insan*" (menyanyi) kita dengar ayat tu bait lirik dia tu, Allahuakbar kita dah terasa (memegang dada) bukan kerna suara dia (ketawa kecil) suara dia kita "halah, kemek lah suara dia" (ketawa besar) tetapi itu yang kita bekalkan, "jadi besok kalau aku menyanyi, apa yang sesuai tak kira lagu cinta ke lagu apa ke tapi orang sesuai, kita sampaikanlah ha contoh macam Saleem" [A.M Salim Abdul Majeed, penyanyi Malaysia] 'Suci dalam debu' mana kesan dia, kita dengar suci dalam debu oh apa pulak debu sucinya? (ketawa kecil) tapi sebenarnya ada kiasan yang sebaliknya ha itu lah seni. Seni ni ada membawak sesuatu benda yang--kita tak--nampak.

SNY : Hmm boleh tak *uncle* ceritakan serba sedikit rutin harian kehidupan *uncle*

SY : Harian kehidupan *uncle* adalah selagi celik mata, hidup tu alhamdulillah lah *uncle* memandang oh aku ada tugas lagi.

NAN : Okey

SY : Tu je. Jadi segala-galanya bangun celik tu corak kehidupan pada hari ini aku dijadikan masih ada lagi mana *uncle* serahkan kepada urusan, kepda diri kepada Al-Quran, kepada keluarga harta benda dan segala isinya (menggerakkan tangan) daripada Mu Ya allah. Itu adalah amalan pertama yang mahu tak mahu kena buat. Hm sebab bukan kita celik tu kita dah rasa takde. Celik tu diam dulu (batuk) mana kita menyerahkan dulu satu-satu ohh aku ada lagi. Okey ada lagi tempuh satu _ pastu baru lah kita bergerak kerna dia tadi ha barulah kita mulakan apa kerja kita. Jadi benda tu dah dikawal. Ini kita fikir kita yang nak mengubah, tak boleh punya ada je yang terbengkalai (ketawa kecil). Ha jadi caranya itulah macam jiwa *uncle* sekarang lah (menunjuk diri sendiri) macam korang muda lagi, korang masih banyak mencari takpelah. Macam *uncle* -- punya je lah (ketawa kecil). Jadi *uncle* takde mengharapakan apa lagi *show-show* [persembahan], *shooting* [penggambaran] ke, ada orang panggil kita pergilah, kalau *uncle* layak, kalau

perlu, kalau takde uncle duduk ni je lah cari sumber-sumber yang lain untuk rezeki itu ada.

SNY : Apa_

SY : Itu cara *uncle* lah tak sama dengan orang lain (menggeleng) jangan kau samakan artis tu dengan tu.

SNY : (Ketawa kecil)

SY : Sebab *uncle* melalui kehidupan cara *uncle* sendiri dalam keluarga dalam rumahtangga berbeza jadi ada lah yang *uncle* kena pegang sesuatu.

NAN : Dah

SNY : Jap, okey apa rutin yang selalu *uncle* lakukan pada waktu lapang?

SY : Dengar kata lapang, sebenar-benarnya kalau nak cakap tu susah lah.

SNY : (Ketawa kecil) Ha susah

SY : *Uncle* mengadap itu je lah ataupun bahasa senangnya berzikir lah

SNY : Ha, oh faham (mengangguk)

NAN : Oh faham (mengangguk)

SY : Takkan nak mengadap tu tak faham jugak (ketawa kecil) zikirlah aku duduk diam ha lepastu luaskan syahadah tu (menggerakkan tangan) balik kepada Allah, Muhamad [Nabi Muhamad SAW].

SNY : Okey __,

NAN : Hm

SY : Dia datang rumah *uncle* ni bukan kerna bidang *uncle* tu (menggosok hidung) yang besarnya tapi pegangan kita tu kita kena ingat (mengangguk) cumanya macam korang besok nak berumahtangga, carilah ilmu.

NAN : Hm (mengangguk dan senyum)

SNY : Hm (mengangguk dan senyum)

SY : Betul cari ilmu dulu, untuk diri penyelamat kita tau (menggosok hidung) baru ni kan tengok baru dua [2] bulan kahwin, baru sebulan kahwin *so what is* [jadi apa] apa ibadah engkau buat? Perkahwin itu ibadah, mendirikan masjid tu ha ni yang kita tak ada itu sebab kita pelik kenapa lima belas [15] minit takkan nak, banyak orang yang belajar agama yang ada orang jabatan agama tu “macam mana ha?” macam-mana—bekalan dalam diri kau apa dia yang kau nak, kahwin tu apa nawaitu kau? Ini yang kita takde, perkahwinan tu adalah satu ibadah, jadi bila ibadah ada pelajaran yang kau kena cari (mengangguk kepala) bukan kau tengok rupa jantan, betina nya. Hati (menunjuk hati) yang mana kita layak ataupun tak sesuai, semua ada ilmu, kena cari. Macam mana nak merapatkannya ada, kita main redah je “Oh kau jantan, ini perempuan ha kena baik. Eh dalam tu berserabut segala perkara tikus mondok semua ada”. (ketawa kecil) Ha ni, ini benda penting sebenarnya untuk kata yang *uncle* tinggalkan pesanannya lah pada siapapun tak kisah. Tapi benda tu-itulah kalau kau nak selamat, waima segala penyakit jadi yang pertama jagalah kedudukan kalau kamu berumahtangga itu lah kamu mendapat kunci ke surga, surganya suami kamu. Jadi jagalah, itu lah ibadah kamu dengan Allah. Allah dah kata lima [5] daripada kalau kamu beramal pun kalau tak melayan suami kamu, kalau kamu belum kahwin bapak lah (menggerakkan tangan). Ini yang orang tak pernah fikir (nada marah) apa-apa ni nak balik pada keluarga dia balik. “Kenapa? Hei aku dah serah lah dosa pahala dah suami tanggung” jadi kita menentang agama dah banyak sangat itu je punca dia. Jadi benda-benda ni kita nak cari kehebatan tu bukan(menggeleng) wang ringgit, takde bahagia lah (reaksi marah) kitaorang pernah kaya lah dulu. Kereta sampai empat [4] lima [5] enam [6] biji lah. Betul (mengangguk) tapi Allah nak bagi, Allah nak

amik terpulang. Dulu duk kat atas tu kondo tu (menunjuk ke arah luar) sepuluh ribu [RM10 000] sebulan (ketawa kecil). Tapi kita nak rasa, takpelah rasalah nak dekat sepuluh [10] tahun dah duduk sana ha ni sebab PKP ni dah habis semua bungkus (ketawa kecil).

SNY : Ha (ketawa kecil)

SY: Okey (menggerakkan tangan) kita berhijrah lah (melihat ke atas sambil menggosok hidung) cari lah tapak-tapak yang mudah. Ha ini sebenarnya ingat, sebab *uncle* perlu tegur kau belajar agama tu pasal apa nak lulus. Jangan (menggeling) belajar agama, bawak lah agama tu terus. Ya, tak rugi pun dapat sijil tapi nak jadi apa, inilah kebahagiaan tu kat situ tau. Tu sebab *uncle* mencari di mana kebahagiaannya contoh kalau kita sakit, kita tak (menggeling) bahagia tau, tapi bila kita disembuhkan--tau "Alhamdulillah, kita dengan Allah" rasa tu kesan (menggerakkan tangan), ha itu kita nak (mengangguk) jadi itu lah.

NAN : Macam kita tahu sekarang, *uncle* dah kurang penglibatan dalam _ eh dalam bidang seni (menggerakkan tangan) jadi apakah punca pendapatan yang *uncle* dapat perolehi sekarang?

SY : Punca dia ada dipanggil sesekali lah (mengangguk) entah betul--baru-baru ni ada 'SEPAHTU' ni lah kan ha dapat jugak *job* [kerja] apa semua alhamdulillah dapat lah untuk sebulan jadi lah (menoleh ke sisi).

NAN : Selain dari bidang seni? (menggerakkan tangan)

SY : Bidang seni ha macam orang rumah (menunjuk ke arah isterinya) dia ada meniaga yang tu lah, itu yang menampung yang dekat--sini ha

NAN : Ada buat bisnes lah ? (menggerakkan tangan)

SY : Tengah- - tu diaorang punya, ni yang *uncle* punya tengah tunggu proses mungkin tahun depan kot.

SNY : Oh

NAN : Oh

SY : Tahun ni, PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] ni takde ruang untuk kita boleh nak ni kan, tu kalau keluar yang tu esok (menggaru kepala) kalau kadang *covid* [Coronavirus-19] ni dah okey dah boleh kita bebas baru kita rancak sikit lah boleh perkenal (tersedak) ngan orang-orang di luar sana yang kita boleh berpakat macam mana nak buat apa benda tu.

NAN : Mengenai bisnes tu macam mana tercetus idea?

SY : (Batuk)

NAN : Memang suka-suka ke?

SY : Bukan, ini nak menyambung sebab kita dalam bidang ni dah habis dah nak _
macam mana macam tu jugak kan.

SNY : Hm (mengangguk)

SY : Macam kena ada jugak *something* [sesuatu] pembaharuan

NAN : Hm (mengangguk)

SY : Tapi yang layak lah

NAN : Hm (mengangguk)

SY : Yang sesuai, yang kita boleh bukan lah mesti yang hebat-hebat sangat takdelah tapi bisnis tu kata orang, bolehlah untuk setakat menampung sara hidup (mengangguk).

NAN : Produk apa yang dijual?

SY : Produk yang tu, makanan tu lah yang apa *yang* [sayang] *fishball* [bebola ikan] apa?

SSA : *Meatball* [bebola daging]

SY : Ha *meatball* [bebola daging]

NAN : Oh *meatball* [bebola daging] sahaja ke?

SSA : Macam-macam ada

SY : Macam-macam lah dia ada buat spaghetti apa

SSA : Ha spaghetti

SY : Tengoklah *order* [pesanan]

SNY : (Ketawa kecil)

NAN : Oh betul lah tengok *order* [pesanan] (ketawa kecil)

SY : Tapi dulu luas jugak (menggerakkan tangan), tapi sekarang PKP tu, kita dah _ kat sini (menggerakkan tangan) je lah.

NAN : Oh

SY : Jadi alhamdulillah lah boleh, rezeki tu Allah punya tak--perlu nak dirisaukan dari kamu hidup dah ada rezeki kalau kamu kaya macam mana pun rezeki, rezeki kamu takde habis lah (menggeling) muktamad maknanya (ketawa kecil). Ha tu je kan.

NAN : Bisnes tu ada rakan kongsi ke?

SY : Takde

NAN : Takde (menggeling)

SY : Bukanlah rakan kongsi

NAN : Kongsi je lah.

SY : Ki-kita perlukan modal dia je lah ha (ketawa kecil) tapi dia tak bersama kita lah (menunjuk diri sendiri)

NAN : Sejak bila?

SY : Ha?

NAN : Sejak bila mula-mula _ _ _

SY : Sebenarnya sebelum PKP tu dah memang merancang dah tapi dah PKPD [Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan] tu dengan pertukaran kerajaan semua dah-- (menggerakkan tangan) tak nampak lah lagi.

NAN : Dari sebelum PKP lagi lah

SY : Dari sebelum lagi, kita memang dah *plan* [rancang] macam masa *uncle* nak berhenti radio.

NAN : Ha hm (mengangguk)

SY : *Uncle* nak buat *something* [sesuatu] yang ialah yang sesuai lah yang--apa dulu *uncle* minat chalet.

SNY : Oh (mengangguk)

SY : Ingat nak buat chalet kan tapi sekali nasib baik PKPD ni satu chalet tak menjadi (ketawa besar sambil bersandar ke belakang)

NAN : Yelah, tak jalan lah tu sebab PKP

SY : Tak jalan, tak boleh macam kat kampung ada pulak macam adik lah dia buat homestay.

NAN : Hm (mengangguk)

SY : Tapi dia dah ni dah nak mula balik (menggerakkan tangan) ki-kita, kitaorang anggarkan tahun depan lah, ni tahun 2021 tahun depan 2022. InsyaAllah lah baru kita mulakan.

NAN : Oh, okey.

SNY : Okey, soalan seterusnya setelah sekian lama *uncle* berada dalam industri seni ni, ha *uncle* pernah ada mendapat anugerah pengiktirafan sebagai seorang artis ke? Ada ke?

SY : Anugerah tu tahun lapan puluh lima [85] tak silap, time [masa] *uncle* sembilan puluh lima [95] tak silap *uncle* 'Anugerah Bintang Popular' lah

SNY : Hm (mengangguk)

SY : 'Penghibur TV popular' tapi dia punya anugerah dia rasanya semua dah hancur dah (ketawa besar)

SNY : Hm (mengangguk)

NAN : Hm (mengangguk)

SY : Sebab kita duk pindah randah kan (menggerakkan tangan) ha itulah semua takde (ketawa kecil)

NAN : Selain daripada tu, ada?

SY : Selain daripada tu_

NAN : Ke dari segi pencalonan sahaja?

SY : Tak tu-itu, *uncle*--dapat.

SNY : Oh yang ah anugerah tu

SY : Ha yang anugerah tu (menggosok hidung) yang lain tu calon, dipercalonkan sahaja 'DJ Popular' apa tu semua.

NAN : Satu [1] tu je lah. Okey nak tanya *uncle*, adakah *uncle* pernah memberikan apa-apa sumbangan kepada masyarakat? Melalui industri seni (menggerakkan tangan)?

SY : Suara je lah.

SNY : Oh (ketawa kecil)

NAN : Sumbang suara je

SNY : Oh suara je

SY : Suara--sebab selamat

NAN : Yang penting menghiburkan orang lah

SY : Ha itu je lah, uncle takde modal (ketawa besar)

NAN : Sumbangan uncle dalam industri seni?

SY : Dalam industri seni ha takdelah pasal seni ni pun banyak politik dia.

NAN : Hm (mengangguk)

SY : Jadi bukan mudah itu sebab kita ibaratnya merempuh ombak-ombak yang besar ha itu je dia punya pencakar -- langit dia tu tapi tak boleh kita nak cerita lah ha tu sebab kita harapkan royalti tu semua dah berkurun dah nak dapatkan tu, takde royalti tapi tak perlulah kita nak sebenarnya benda ni belum stabil lah pada Malaysia, Malaysia ni belum. Kalau kau nak berjaya, pergilah duduk kat China macam Shila Amzah [NurShahila binti Amir Amzah, penyanyi dan penulis lagu Malaysia] tu, macam siapa tu Yuna [Yunalis binti Mat Zara'ai, penyanyi dan penluis lagu Malaysia] ke duduk kat US [United State] ha boleh lah macam P.Ramlee pun dia berjaya dulu pasal dia duduk kat Singapore [Singapura] ha balik Malaysia padam, tak boleh. Jadi benda-benda ni kita punya suasana budaya yang kat Malaysia tak capai tu, banyak. Dulu lagi tak boleh, halal haram tu menyanyi tak boleh (menggeleng), berlakon tak boleh (menggeleng) jadi tak tahu lah ni dah jadi budaya lah, dah jadi fahaman masukkan benda-benda tu kita mintaklah takde apalah biarlah itu diaorang punya bahagian.

NAN : Hm okey. Okey (mengangguk)

SNY : Okey, okey sepanjang *uncle* dalam industri seni ni kan, pernah tak apa-apa impian *uncle* belum tercapai lagi? Kiranya watak lain yang *uncle* nak jadi tapi belum pernah jadi lagi? Macam watak serius ke?

NAN : Macam teringin?

SY : Watak hantu je belum

SNY : Ha, watak hantu (reaksi terkejut)

NAN : Ha *uncle* pernah jadi hantu ke *uncle* nak berlakon dalam cerita hantu?

SY : Iyalah yang belumnya waktu hantu je lah

NAN : Oh *uncle* teringin nak berlakon dalam cerita hantu

SY : Taknak lah, taknak eh tu nak panggil hantu ke?

NAN : (Ketawa besar)

SNY : (Ketawa besar)

SY : Satu [1] lagi macam *uncle* lalui satu pengalaman lah sebab dalam cerita yang kita berlakon tu kadang-kadang badi.

SNY : Oh (mengangguk)

SY : Badi tu yang dalam kehidupan tu sebab banyakk--*uncle* menolak pun satu [1] jugak ha jadi benda-benda tu yelah macam kau lakonkan balik dia dah ada doa tau. Penyanyi pun sama macam ada penyanyi kita menaruh harapan __ __ jadi P.Ramlee pun kena 'Enam Jahanam' [tajuk filem P.Ramlee] jahanam habis (ketawa kecil).

SNY : Hm (mengangguk)

SY : Jadi banyak-banyak lah Sudirman 'Salam Terakhir' jadi benda--ni kadang-kadang yelah (mengangguk) benda yang elok tapi kadang-kadang ada *something* [sesuatu] kita kena tempuh lah. Hm.

SNY : Okey apa harapan *uncle* dalam industri lakonan hari ni?

SY : Dah tak ada lagi dah, *uncle* tak harap lagi lah sebab *uncle* masih rindukan cerita-cerita lama, *uncle* masih minat cerita-cerita P.Ramlee dulu, kisah-kisah lama dulu. Sekarang *uncle* tengok bukan main banyak episod sampai takde mesej. Kenapa jadi suami dayus? Suami bodoh

SNY : Hm (mengangguk)

SY : Eh takde agama ke? Jadi *uncle* tengok Ya allah hai lepas tu mak yang jahat

NAN : Hm (mengangguk)

SNY : Hm (mengangguk)

SY : Mak mentua yang zalim, ini apa imej ini ke maruah orang Melayu [kaum di Malaysia] orang islam. Jadi *uncle* cakap alamak mesej dia kat mana, setakat dapat duit tiap-tiap bulan, tiap-tiap episod dibayar itu je, *come on* [ayuh] tolong lah. Jadi *uncle* tengok takde yang memanfaatkan jadi filem tu habis tamat tu, habis, ingatan orang dah takde dialog apa dah takde pastu tunggu lah filem baru nak keluar. Itu je. Sebenarnya jadi anak seni sebagai penyampai, penyampai yang paling mudah dalam lakonan, dalam nyanyian dan *character* [watak] tu membayangkan pada orang lain. Kalau dia jahat membayangkan orang akan kena balasan, ha itu.

SNY : Hm (mengangguk)

SY : Jangan dia jadi jahat, dia jadi penjahat kat luar (ketawa besar) *last* [akhir]--dia pun kena tangkap (ketawa kecil) ha ini kadang-kadang banyak.

SNY : Okey nasihat *uncle* untuk golongan muda yang ingin menceburi dalam bidang seni?

SY : Tu lah dia dalam zaman ini, zaman mereka sebenarnya kita tak boleh campur tangan dah (menggeleng) sebab itu jiwa mereka jiwa yang baru, suasana yang baru, alam yang baru dan irama tu tak sama macam kita dulu (menggeleng). Kita dulu mementingkan sentuhan rohani (menyentuh dada) tapi sekarang takde penilaian cuba buat suka hati dia lah asal orang ni sudah, jadi dia takde penilaian kat situ tau, dulu orang menyanyi tu macam mengaji tau.

NAN : Oh

SNY : Oh (mengangguk)

SY : Kan Sharifah Aini [Sharifah Aini binti Syed Jaafar, biduanita negara], lagu Sharifah Aini sedap apa macam tu lah tapi orang sekarang dia (ketawa kecil)

NAN : Sekarang tengok pada rupa, pada *followers* [pengikut] kat *IG* [Instagram, aplikasi media sosial]

SY : Ha itu normal lah daripada dulu pun perlukan rupa jugak,

SNY : Oh (mengangguk)

SY : Tetapi rupa tu memberi kesan yang sebaiknya kan, (mengangguk) ha bukan rupa tu sekadar rupa sahaja

SNY : Hm

SY : Tapi sebenarnya, kesan hidup dia macam mana

SNY : Hm

NAN : Hm (mengangguk)

SY : Kita nak tahu tu, itu yang kita nak jaga jadi pengalaman kita tengok orang lama-lama dulu, P.Ramlee pun *last* [akhir] *ending* [berakhir] kosong tiada apa pun lah jadi disitu yang kita peringatkan diri kita jadi pada (menyilang kaki) yang baru-baru ni kena belajar jugak lah.

SNY : Hm

NAN : Hm (mengangguk)

SY: Kena belajar hidup kita ni sekarang kena belajar kehidupan dulu kita belajar sekolah, belajar pelajaran untuk bahagian sekolah sahaja sekarang kena belajar hidup. Ini belajar hidup, kau sendiri lah gurunya kau lah sendiri yang akan tahu kalau tidak buat apa ni kan.

SNY : Ha

SY : Orang ni boleh pakai ke, kerja ni okey tak tu semua belajar hidup kita timbang diri kita sendiri takde orang lain (menggeleng) yang boleh timbangkan

NAN : (Mengangguk) Ha kiranya belajar dari pengalaman lah

SY : Ha pengalaman, pengalaman itu penting itu guru kita sebenar-benarnya bila kita ada pengalaman kita lancar lah takde tersekat kan.

SNY : Okey, *last* [akhir]

NAN : Kita-dah--nak habis dah ni

SNY : (Ketawa kecil)

NAN : Ni soalan *random* [rawak] lah, okey apa perasaan *uncle* selama menjalani sesi temu ramah bersama kami?

SY : Eh, biasa lah sebab benda-benda tu

SNY : (Ketawa besar)

NAN : (Ketawa besar sambil menutup mulut menggunakan kertas)

SY : Sebab benda-benda tu cerita *uncle* kan,

SNY : Ha yelah (mengangguk)

SY : *Uncle* dah tahu apa benda yang kau nak tanya memang dah tahu dari hari tu dah pun (ketawa kecil) ha jadi bagi ni biasalah, kadang-kadang orang tu sebab *uncle open* [terbuka] je bila korang ada peluang nak datang, okey *uncle* tengoklah kalau masa keadaan kalau sebelum ni *uncle* kan ikutkan sebelum nak bersantai apa kan tapi rezeki takde (ketawa kecil).

NAN : Ha faham-- (mengangguk)

SY : Ha tak dapat nak buat

SNY : Okey dah

NAN : Okey

SY : Tapi korang--ni pulak macam mana?

NAN : Ha?

SNY : Ha apa? Ha?

SY : Rasa korang pulak bila *interview* [temuduga] *uncle* macam mana pulak?

SNY : Maksudnya?

SY : Ha

NAN : Maksudnya?

SY : Aik, kan korang dah tanya *uncle* apa _

SNY : Ha kitorang (ketawa kecil)

NAN : Oh (ketawa besar)

SNY : __ (ketawa besar)

MA : Tak, *uncle* tanya balik

NAN : (Ketawa besar)

SNY : (Ketawa besar) Oh kitorang gembira dapat jumpa *uncle*

SY : Macam *uncle* biasa lah

NAN : Kitorang macam orang biasa ni bangga lah dapat jumpa dengan artis yang menjadi kebanggaan kami dulu

SNY : Artis __

SY : Habis korang punya ni siapa artis-artis idola korang?

NAN : Artis idola?

SNY : Artis idola (ketawa kecil)

SY : (Ketawa besar)

SNY : Takdelah *uncle*, semua--biasa je

NAN : Biasa je lah *uncle*

SNY : *Uncle* kan macam ada masalah je (ketawa besar sambil menutup mulut menggunakan kertas)

NAN : (Ketawa besar sambil menutup mulut menggunakan kertas)

SY : Yelah, kita nak tahu jugak kan ha apa _

MA : Dua [2] jam lagi, lek lu

SNY : (Ketawa besar)

SY : (Ketawa besar)

NAN : Dulu-dulu ada lah minat Korea biasalah Korea kan sekarang kan _ _ tapi sekarang dah takde lah

SY : Ha tu-sebab-- budaya otak korang dah bertukar

SNY : (Ketawa besar)

NAN : (Ketawa besar sambil menutup mulut)

SY : Budaya sendiri ada

SNY : Ka-kalau filem melayu (menggerakkan tangan) ha P. Ramlee lah ha kalau saya P. Ramlee lah

SY : Itu tu pun pasal keluarga ikut kot

SNY : Taklah

NAN : Itupun kalau ikut *family* [keluarga] kalau ayah dah bukak memang *auto* [automatik] satu [1] *family* [keluarga] tengok

SNY : Hm (mengangguk)

SY : Tak, itu pengajaran la sebenarnya, itu sebab – *uncle* pun belajar.

SNY : Hm (sambil mengangguk kepala)

SY : Dulu *uncle* tengok cerita P.Ramlee sebagai satu laluan semasa je, tapi bila tengok balik - - eh, dia ada *something* [sesuatu] yang berkata dalam diri kita tau (sambil menganggam tangan)

NAN : Hm (sambil mengangguk)

SY : Ha, jadi dia mengajar kita supaya *something* [sesuatu] dia tak tegur *direct* [langsung] (sambil menggerakkan tangan)

NAN : Hm (sambil mengangguk)

SNY : Hm (sambil mengangguk)

SY : Tetapi dia memberi kita sedar, contohnya se _ bujang lapok [CIS, Seniman Bujang Lapok, tajuk filem P.Ramlee] ha pendekar , _ _ Seniman rasa (reaksi keliru)

NAN : Seniman Bujang Lapok [tajuk filem P. Ramlee] (sambil mengangguk)

SY : Eh? Kan dia ditipu oleh wanita.

NAN : Hm -- (sambil mengangguk)

SNY : Hm (sambil mengangguk)

SY : Dan wanita itu, pulak bawa dengan keluarga dia, adik –beradik _

NAN : Ha, haah ada (mengangguk dan menggerakkan tangan)

SNY : Oh haah (mengangguk)

SY : Kalau kita tengok memang, eh tak guna la perempuan ni kan.

NAN : (Ketawa kecil)

SNY : (Ketawa kecil)

SY : Tapi kenapa dia datang ikut perempuan tu sampai kat rumah dia, dan perempuan tu pulak bercerita dengan mak dia, “kalau saya tak buat macam ni, tak kan saya nak gadai maruah saya” situ yang dia kata, dia tak boleh bersangka buruk dengan orang.

NAN : Hm -- (mengangguk)

SY : Itu lah hikmah dia kan?

SNY : Hm (mengangguk)

NAN : Hm (mengangguk)

SY : Ha.

NAN : Ha dia memang cerita tu memberi kesan sampai _ (sambil menggerakkan tangan)

SY : Ha, kalau macam kita sekarang, ai ini perempuan tak boleh pakai apa semua (sambil menggerakkan tangan)

NAN : (Ketawa kecil)

SNY : (Ketawa kecil)

SY : Nampak tak? Itu -- dia eh __ ha jadi benda benda macam ni, yang *queen control* [kawalan ratu] la itu.

SNY : (Ketawa kecil)

SY : Sama __ tu, tengok oh 'Tiga Abdul'? [tajuk filem P. Ramlee]

SNY : Hm -- (sambil mengangguk)

SY : "Jual orang lagi laku dari jual unta" tengok? Macam sekarang ni? (ketawa kecil)
kau jual orang la, baru kau dapat duit.

NAN : Hm (sambil mengangguk)

SNY : Hm (sambil mengangguk)

SY : Mana kau nak unta? Jadi benda benda macam tu lah baru kita eh? Dia ada __
wawasan dia tau (sambil menggerakkan tangan)

NAN : Hm (sambil mengangguk)

SY : __ Oh patutlah, jadi benda benda tu yang kita jadikan, kita tak dapat _ zaman
sekarang kalau, itu sebab kalau uncle pun sebenarnya tawar nak berlakon tu sebab
suasana filem macam, jalan cerita diorang ni la. Takkan nak berumbuk berkasar
semua, itu -- cerita cina dah buat banyak kali dah (ketawa kecil)

SNY : Hm (sambil mengangguk)

NAN : Hm (sambil mengangguk)

SY : Tapi apa imej kita maruah melayu takde. (sambil menggeleng)

NAN : Maruah - - melayu tu.

SY : Maruah melayu - - tu baru ada berkaitan dengan orang -- Islam [Agama di Malaysia] kerna orang melayu tu Islam [Agama di Malaysia]

NAN : Hm (sambil mengangguk)

SNY : Hm (sambil mengangguk)

SY : Ha lagi, kita tengok dimana arah kita. Nak selamat, ikut siapa ha (ketawa kecil)

NAN : Hm (mengangguk)

SNY : Ha betul -- (sambil mengangguk)

SY : Jadi benda benda ni, itu lah kene mengkaji, kalau mengkaji saya bunyi tapi mengkaji baru dapat isi ha.

SNY : Hm (sambil mengangguk)

NAN : Hm hm (sambil mengangguk)

SY : ha disitu lah kita kene belajar, dalam pengalaman orang, disitu lah sebab tu *uncle* banyak kawan dengan orang -- tua tua artis - - tua, sebab nak tahu pengalaman dia __ __ cedok dia punya tu tapi bukan la kita __ tapi untuk akan datang kita layak pakai kita pakai la.

NAN : Hm (sambil mengangguk)

SNY : Hm (Sambil mengangguk) Okey.

NAN : Okey dah selesai.

SNY : Okey.

SY : Selesai dah ?

SNY : Dah (sambil mengangguk kepala)

NAN : Dah (sambil mengangguk kepala)

SY : Oh (ketawa kecil)

Dengan ini, tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang nyanyian, pelakon dan penyampai radio serta pelawak bersama Encik Salih bin Yacob. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni hiburan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.